



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2003

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN
JURUTEKNIK GRED J17, J22, J26**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan skim perkhidmatan Juruteknik Gred J17, J22, J26.

LATAR BELAKANG

2. Skim perkhidmatan Juruteknik yang sedia ada memperuntuk peluang Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke jawatan-jawatan Pembantu Teknik Gred J29, Pembantu Teknik Ukur Bangunan Gred J29 atau Pembantu Teknik Kapal Terbang Gred A29. Secara amnya, Juruteknik yang sedang berkhidmat di dalam sesuatu perkhidmatan itu mempunyai peluang peningkatan ke gred yang lebih tinggi dalam struktur perkhidmatan berkenaan.
3. Juruteknik-juruteknik yang sedang berkhidmat di Jabatan Alam Sekitar didapati tidak mempunyai peluang KPSL ke jawatan yang lebih tinggi grednya dalam struktur

perkhidmatan di jabatan berkenaan. Jabatan Alam Sekitar menguatkuasakan peraturan-peraturan berkaitan Kualiti Alam Sekeliling dan Zon Ekonomi Eksklusif. Dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab utamanya, Jabatan Alam Sekitar didukung dengan pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional di bawah skim perkhidmatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41, C44, C48, C52, C54 dan anggota dalam Kumpulan Sokongan di bawah skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C27, C32, C38 dan Juruteknik Gred C17, C22, C26.

PINDAAN

4. Bagi memperuntuk peluang peningkatan ke gred yang lebih tinggi dalam struktur perkhidmatan di Jabatan Alam Sekitar, syarat KPSL dalam skim-skim yang berkaitan dipinda bagi membolehkan anggota-anggota ini dipertimbang KPSL ke jawatan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C27. Selaras dengan peruntukan ini, skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C27, C32, C38 juga turut dipinda untuk membolehkan Juruteknik dilantik secara KPSL ke perkhidmatan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar.

5. Skim perkhidmatan Juruteknik Gred J17, J22, J26 dan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C27, C32, C38 yang telah dipinda adalah seperti di **Lampiran A** dan **A1**.

TARIKH KUAT KUASA

6. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Juruteknik dan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar yang baru ini ialah mulai 1 Januari 2004.


PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Juruteknik dan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah digantikan dengan Pekeliling Perkhidmatan ini.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

7 November 2003

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2004

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred J17	:	P1T1	RM674.45	-	P1T26	RM1860.25
		P2T1	RM716.80	-	P2T26	RM1961.89
		P3T1	RM760.36	-	P3T26	RM2067.16
Gred J22	:	P1T1	RM1545.65	-	P1T12	RM2291.01
		P2T1	RM1659.39	-	P2T12	RM2530.59
Gred J26	:	P1T1	RM1773.13	-	P1T9	RM2412.01
		P2T1	RM1943.74	-	P2T9	RM2640.70

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred J17: P1T8);dan
 - lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred J17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
- Juruteknik Gred J17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
- Juruteknik boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
- Juruteknik Gred J17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Juruteknik Gred J17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Juruteknik hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED J22

9. Juruteknik Gred J17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Gred J22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED J26

10. Juruteknik Gred J22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Gred J26 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK, PEMBANTU TEKNIK UKUR BANGUNAN, PEMBANTU TEKNIK KAPAL TERBANG, PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR

11. Juruteknik yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Teknik Gred J29 atau Pembantu Teknik Ukur Bangunan Gred J29 atau Pembantu Teknik Kapal Terbang Gred A29 atau Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002].

LAMPIRAN A1

SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SAINS
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2004

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred C27	:	P1T1 RM972.11	-	P1T26 RM2436.21
		P2T1 RM1027.77	-	P2T26 RM2593.51
		P3T1 RM1085.85	-	P3T26 RM2741.13
Gred C32	:	P1T1 RM1946.16	-	P1T13 RM2904.48
		P2T1 RM2116.77	-	P2T13 RM3162.21
Gred C38	:	P1T1 RM2433.79	-	P1T12 RM3728.49
		P2T1 RM2604.40	-	P2T12 RM4119.32

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - diploma dalam bidang kejuruteraan awam, mekanik atau elektrik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred C27: P1T6); atau
 - diploma dalam bidang mikrobiologi atau kimia industri yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred C27: P1T6);
- dan
 - lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas;

atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred C27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C27 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED C32**

10. Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C32 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;
- dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED C38**

11. Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C38 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;
- dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEGAWAI KAWALAN ALAM
SEKITAR**

12. Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002].